



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 8/2025

## RAHSIA IBADAH DALAM ISLAM

**21 Februari 2025**

*Bersamaan*

**22 Syaaban 1446**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

### PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **5 RUKUN KHUTBAH**

1. Memuji Allah SWT
2. Selawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW
3. Berpesan supaya bertaqwa kepada Allah
4. Membaca Satu Ayat Al-Quran yang lengkap lagi jelas maknanya
5. Doa Kepada Orang Beriman Dalam Khutbah Kedua

**Khatib hendaklah menyampaikan semua rukun-rukun khutbah dalam bahasa Arab walaupun ia tidak difahami oleh para Jemaah.**

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِعِبَادَتِهِ فِي كُلِّ وَقْتٍ وَحِينٍ، حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْمُبِينِ: (وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّى يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ)،

RUKUN

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا

RUKUN

وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا، يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ، وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ، وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.

RUKUN

**Saudara sidang Jumaat sekalian,**

Saya berpesan kepada hadirin dan diri sendiri agar sentiasa bertaqwa kepada Allah swt pada setiap masa, di mana sahaja kita berada, dengan mematuhi titah perintahNya dengan sebaik mungkin dan meninggalkan segala laranganNya, semoga kita semua di dalam pemeliharaan dan rahmat Allah SWT.

Melalui mimbar yang mulia ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk :

**RAHSIA IBADAH DALAM ISLAM**

## **Muslimin sekalian,**

Pengabdian diri kepada Allah, iaitu ibadat, merupakan tanggungjawab setiap hamba kepada penciptanya dan ibadat itu adalah milik Allah swt sahaja.

Rasulullah SAW pernah bertanya kepada Mu'az bin Jabal RA, maksudnya:

"Wahai Muaz, adakah engkau tahu apa hak Allah yang menjadi kewajipan para hambaNya?" Mu'az RA berkata, "Allah dan RasulNya sahaja yang lebih mengetahui. Rasulullah SAW bersabda: "Hak Allah yang diwajibkan ke atas para hambaNya adalah ; mereka menyembahNya sahaja dan tidak menyekutukanNya dengan sesuatu apapun."

(Riwayat al-Bukhari)

Demikianlah juga keputusan utama para Nabi dan Rasul adalah untuk mengajak umat manusia supaya beribadah kepada Allah semata-mata tanpa menyekutukanNya. Allah berfirman dalam Surah Al-Anbiya ayat 25:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

**Maksudnya :** Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan Kami wahyukan kepadanya : 'Bahawa tiada Tuhan selain Aku (Allah), maka sembahlah Aku (Allah).

## **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Ibadah yang kita laksanakan terhadap Allah swt adalah lambang kepatuhan kepada perintahNya dalam memenuhi tanggungjawab kita beribadah kepadaNya, sekalipun kita tidak dimaklumkan tentang rahsia ibadah tersebut. Namun begitu, terkadang hikmat dan rahsia ibadah yang kita lakukan itu terserlah ketika kita melaksanakannya.

Antara hikmatnya : Apabila kita menekuni ibadat solat, ia akan membentuk peribadi agar sentiasa berada dalam reda, keteguhan hati dan ketenangan jiwa. Solat mengajar seseorang itu untuk memberi manfaat kepada orang lain dengan tulus dan ketika diuji dengan kesusahan dia bersabar dan tidak berkeluh kesah.

Allah berfirman dalam Surah Al-Ma'arij: 19-23:

❖ إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ

مُنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٣﴾

**Maksudnya :** Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah. Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut. Kecuali orang yang mengerjakan sembahyang. Iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyangnya.

Secara umumnya, dengan menjaga solat, seorang individu akan suci daripada perilaku yang dimurkai oleh Allah swt, jiwanya bersih daripada sifat-sifat keji dan buruk, malahan peribadinya dihiasi dengan akhlak mulia.

### **Muslimin yang diberkati Allah**

Ibadat zakat yang seringkali digabungkan arahan pengamalannya dengan solat, mempunyai makna yang amat mendalam.

Zakat - yang membawa maksud penyucian, kebersihan, pertumbuhan dan peningkatan - dapat menyucikan diri si pemberi zakat daripada penyakit kedekut dan bakhil di samping menggantikannya dengan jiwa yang sanggup berkongsi dan bermurah hati kepada orang lain

Selain itu, golongan yang tidak mempunyai harta, dapat merasai perkongsian ni'mat daripada si kaya yang menjadikan hati mereka berasa gembira, mengikis rasa tidak puas hati dan menerima dengan reda taqdir Allah swt terhadap mereka. Allah SWT berfirman dalam surah AT-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

**Maksudnya:** Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka. Dengan demikian, sifat syukur di atas keberkatan akan bertapak dalam sanubari setiap pihak dan kemakmuran hidup akan tercapai serta keburukan akan hilang dari jiwa dan harta mereka.

**Hadirin sekalian,**

Ibadah puasa pula membawa natijah ketaqwaan dalam diri setiap yang menunaikannya dengan sempurna mengikut rukun dan syaratnya.

Puasa dapat membentuk sifat pengawasan diri, membangkitkan suara hati, serta melatih seseorang untuk bersabar dan bertahan. Dengan ini, seseorang mampu menghadapi cabaran hidup dengan tabh tanpa mudah menyerah atau goyah apabila berdepan dengan kesukaran dan mehnah yang menimpa. Nabi saw bersabda :

الصَّيَّامُ جُنَّةٌ

**Maksudnya :** Puasa itu adalah perisai diri.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Selain itu, puasa juga menyuburkan perasaan kasih sayang dan keprihatinan dalam hati umat ini. Dengan itu, kehidupan masyarakat dipenuhi dengan rasa ketenangan, kedamaian, dan ketenteraman.

### **Saudaraku yang beriman,**

Rukun terakhir dalam Islam adalah ibadah haji yang diwajibkan kepada setiap mereka yang mampu daripada segi kewangan dan kesihatan untuk ke tanah suci. Ibadat Haji ini memiliki pelbagai rahsia dan hikmatnya daripada aspek rohani, moral dan sosial.

Ia mendidik umat agar sentiasa memiliki akhlak mulia, termasuklah berbicara dengan perkataan yang baik sahaja. Terserlah dalam ibadah yang kelima ini kebersamaan, rasa kesatuan, kasih mengasih dan saling mengenali antara pelbagai etnik dan bangsa. Tiada perbezaan antara yang kaya dengan miskin, semuanya mengabdikan diri kepada Allah swt dengan metod dan amalan yang sama.

Kesimpulannya, mimbar mengajak semua jamaah untuk terus memantapkan ketaqwaan diri kepada Allah swt dengan sebenarnya, dan ketahuilah bahawa rahsia di sebalik ibadah adalah untuk membawa diri dan jiwa seseorang ke jalan kebahagiaan hakiki yang diredhai Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

RUKUN

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

**Maksudnya :** Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku.

(Surah az-Zariyat :56)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

RUKUN

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

RUKUN

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

RUKUN

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Berbaktilah kepada Allah SWT dengan sepenuh hati. Manfaatkanlah peluang kehidupan ini dengan melakukan ketaatan untuk mendapat keredaan-Nya. Ketahuilah bahawa Allah telah menjadikan hari Jumaat sebagai penghulu segala hari yang dipenuhi dengan pelbagai kelebihan sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

”Sebaik-baik hari ialah hari Jumaat. Padanya dijadikan Nabi Adam.

Padanya dimasukkan baginda ke syurga dan padanya juga dikeluarkan daripada syurga, dan tidak berlaku Kiamat melainkan pada hari Jumaat.”

(Hadis riwayat Muslim)

Maka bersempena dengan hari yang mulia ini, sayugialah kita umat Islam mengambil peluang melakukan amal kebaikan seperti berniat iktikaf ketika berada dalam masjid, mengambil pengajaran daripada kandungan khutbah Jumaat, berzikir serta menunaikan solat Jumaat dengan tertib dan khusyuk.

Janganlah melakukan perkara yang boleh mengganggu jemaah lain sepanjang berada di masjid, kerana perbuatan tersebut dilarang dalam Islam.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.  
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفَ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

RUKUN

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ  
أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Teguhkanlah Iman kami dalam menempuh segala mehnah dan ujianMu, Kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada negara kami Malaysia dan negeri kami Terengganu Darul Iman, Jadikan negeri kami ini negeri yang aman. Jauhi negeri kami daripada sebarang musibah, perpecahan dan huru hara.

**Ya Allah,**

Cemerlangkanlah pendidikan anak-anak kami, Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di palestine. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi baitul maqdis dan seluruh saudara kami disana. Amiin amiiin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكُرِ اللَّهَ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَىٰ صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.